



**JABATAN KERJA RAYA SARAWAK
IKLAN PRA KELAYAKAN KONTRAKTOR**

1. Kerajaan Malaysia berhasrat mempelawa tender dari kontraktor-kontraktor yang layak melalui Pra Kelayakan untuk Mereka Bentuk, Membina, Melengkapkan dan Mentauliahkan:

Bil	No. & Tajuk Tender	Pendaftaran Kontraktor	Tarikh dan Masa Tutup Tender	Harga Dokumen Tender
1	T/968/12/2025 Membina Jalan Akses Ke Skim Penempatan Semula, Kampung Bengoh, Puncak Borneo, Bahagian Kuching, Sarawak	CIDB (PPK & SPKK), PKK (STB) Gred G7 Kategori CE Pengkhususan CE01, CE21 dan CE36 <u>ATAU</u> UPKJ (Bumiputera) Kelas A Kepala I Sub-Kepala 1 dan Kepala III Sub-Kepala 1(a), 1(b), 2(a), 2(b) dan CIDB (PPK) Gred G7 Kategori CE Pengkhususan CE01, CE21 dan CE36	Tarikh: 27 January 2026 Masa: 12.00 tengahari	RM50.00
6	T/967/12/2025 Menaiktaraf Jalan Dari Persimpangan Jalan Biawak Ke Jalan Kampung Kendaie / Selampit, Lundu, Bahagian Kuching, Sarawak	CIDB (PPK & SPKK), PKK (STB) Gred G7 Kategori CE Pengkhususan CE01, CE02, CE21 dan CE36 <u>ATAU</u> UPKJ (Bumiputera) Kelas A Kepala I Sub-Kepala 1, 2(a)(i) dan Kepala III Sub-Kepala 1(a), 1(b), 2(a), 2(b) dan CIDB (PPK) Gred G7 Kategori CE Pengkhususan CE01, CE02, CE21 dan CE36		

2. **SYARAT-SYARAT UNTUK PRA KELAYAKAN**

Permohonan Pra Kelayakan ini adalah dibuka kepada kontraktor-kontraktor yang menepati syarat-syarat berikut:

i) **PENDAFTARAN KONTRAKTOR**

- (a) Rujuk jadual di atas.
- (b) Kebenaran khas daripada CIDB untuk pengkhususan bidang kerja yang ditetapkan adalah **tidak dibenarkan**.
- (c) Petender usahasama (joint ventures) adalah **tidak dibenarkan**.
- (d) Kontraktor berdaftar yang telah digantung oleh Pusat Khidmat Kontraktor, UPKJ dan CIDB dari memasuki tender **tidak layak** untuk memasuki Pra Kelayakan.
- (e) Kontraktor hendaklah mempunyai pendaftaran CIDB (PPK & SPKK), PKK (STB) dan UPKJ yang masih berkuatkuasa **sekurang-kurangnya melebihi 3 bulan** dari tarikh tutup Pra Kelayakan.
- (f) Kontraktor **tidak mempunyai** kerja semasa yang 'sakit' serta bebas daripada rekod prestasi kerja yang tidak memuaskan dari segi tempoh penyediaan projek dan kualiti kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dalam tempoh lima (5) tahun lepas adalah memuaskan.
- (g) Kontraktor wajib mengemukakan **Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate – TCC)**. TCC yang dikemukakan hendaklah sah dalam tempoh tahun semasa perolehan dilaksanakan.
- (h) Kontraktor diwajibkan untuk melaksanakan pemberitahuan **Pemunya Benefisial (Beneficial Owners – BO)** dengan mengemukakan borang pemberitahuan BO.
- (i) Kontraktor diwajibkan untuk menandatangani **Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Perdagangan Orang dan Buruh Paksa**.

ii) **KEUPAYAAN KONTRAKTOR**

(a) **KEUPAYAAN KEWANGAN**

Net Worth (Melebihi 20% daripada Nilai Tahunan Bebanan Kerja) **atau**;

Modal Pusingan (Melebihi 10% daripada Nilai Tahunan Bebanan Kerja) **atau**;

Modal Mudah Cair (Melebihi 3% daripada Nilai Tahunan Bebanan Kerja)

(b) **KEUPAYAAN TEKNIKAL**

Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja tertinggi yang telah disiapkan di dalam tempoh 5 tahun lepas hendaklah melebihi 30% dari Nilai Tahunan Bebanan Kerja.

Mempunyai pengalaman yang mencukupi iaitu yang 'serupa' dan 'sebanding' dengan skop kerja dalam tempoh lima (5) tahun lepas serta berpengalaman sebagai Kontraktor Utama serta melaksanakan dan menyiapkan projek Kerajaan/Swasta.

iii) **PERUNDING KONTRAKTOR**

Kontraktor dikehendaki melantik juruperunding-juruperunding yang bertauliah dan merupakan perunding bebas (*independent and not in house consultants*) seperti berikut:-

(a) Berdaftar dengan Lembaga Profesional yang berkenaan; dan

(b) Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia.

iv) Dokumen Pra Kelayakan boleh diperolehi di pejabat **Cawangan Ukur Bahan, Jabatan Kerja Raya Sarawak, Tingkat 11, Wisma Saberkas, 93582 Kuching, Sarawak** semasa waktu pejabat. Dokumen Pra Kelayakan akan hanya dikeluarkan kepada yang dinamakan di dalam lesen syarikat / kontraktor. Syarikat / kontraktor dikehendaki mengemukakan bukti pendaftaran SPKK/PPK/UPKJ dengan menunjukkan sijil/perakuan pendaftaran asal.

v) Permohonan hendaklah dikemukakan ke kaunter serahan di alamat berikut:

**The Secretary,
KKDW Tenders Board,
c/o JKR Sarawak, Tingkat 11, Cawangan Ukur Bahan,
Wisma Saberkas,
Jalan Tun Abang Haji Openg,
93582 Kuching, Sarawak.**

**Datu Adj. Prof. Ir. Ts. Gs. Br. PMr. Dr. Cassidy anak Morris
Pengarah Kerja Raya Sarawak**